PP v Mohd Tajudin bin Ismail

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–6 TAHUN 1997
AUGUSTINE PAUL PK
16 MAC 1998

Acara Jenayah — *Hukuman — Pengakuan bersalah — Sama ada mewajarkan hukuman ringan — Sama ada faktor-faktor lain harus diambil kira*

Tertuduh telah mengaku salah kepada pertuduhan pindaan di bawah s 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Tertuduh berusia 30 tahun, belum berkahwin dan tiada rekod sabitan kesalahan dahulu. Peguambela tertuduh menghujahkan bahawa hakikat bahawa tertuduh telah mengaku salah mesti diambil kira bagi manfaatnya. Juga dihujahkan bahawa tertuduh telah bekerjasama dengan polis dan mengaku kesalahannya semasa berpeluang lebih awal. Dengan itu, dihujahkan bahawa hukuman sebatan yang wajib sahaja adalah memadai sebagai hukuman untuk kesalahan itu.

Diputuskan, mengenakan hukuman sembilan tahun penjara dan sebat sepuluh kali:

(1) Dalam menentukan hukuman setimpal, kepentingan awam mesti menjadi satu faktor utama. Satu elemen kepentingan awam terbesar adalah keadilan, yang tidak bermaksud keadilan kepada tertuduh sahaja, malah juga kepada masyarakat umum. Justeru itu, dalam mengenakan hukuman, mahkamah hendaklah menimbang kesalahan dan pesalah itu dan juga kepentingan masyarakat. Masyarakat memerlukan perlindungan daripada beberapa jenis jenayah. Matlamat ini boleh tercapai dengan mengenakan hukuman yang deteren untuk kesalahan sedemikian (lihat ms 548C–D).

(2) Walau bagaimanapun, adalah diterima secara umum bahawa tertuduh hendaklah diberi kredit ataupun diskaun kerana mengaku bersalah. Pengakuan bersalah mesti diambil kira untuk manfaat tertuduh hanya bila semua faktor dan keadaan sekitar berkaitan dengan perbuatan kesalahan itu mewajarkan pertimbangan sedemikian. Memakainya untuk manfaatkan tertuduh bergantung kepada keadaan sekitar setiap kes (lihat ms 548D–E).

(3) Beratnya sesuatu kesalahan yang telah dilakukan boleh mengurangkan kesan pengakuan bersalah sebagai faktor untuk hukuman ringan. Di mana kepentingan awam menghendaki hukuman berat dalam sesuatu kes dalam sesuatu keadaan, maka kesan pengakuan salah sedemikian juga hendaklah memberi laluan. Maka, tiada peraturan automatik bahawa pengakuan salah sahaja boleh melayakkan tertuduh kepada hukuman ringan (lihat ms 548I–549C).

(4) Berat dadah yang dijumpai pada seseorang memainkan peranan penting dalam mengira hukuman. Dalam kes ini, tertuduh telah didapati memiliki 429.7 gram cannabis. Ini bukan amaun yang sedikit memandangkan berat minima untuk menarik penggunaan seksyen yang beliau dipertuduhkan. Adalah juga nyata bahawa tertuduh tiada pembelaan (lihat ms 549G).

[English summary

The accused had pleaded guilty to an amended charge under s 39A(2) of the Dangerous Drugs Act 1952. The accused was 30 years old, single and has no records of previous convictions. Counsel for the accused submitted that the fact that the accused had pleaded guilty must be taken into consideration for his benefit. It was also submitted that the accused had cooperated with the police and had pleaded guilty to his offence when he had the opportunity earlier on. Thus, it was submitted that the mandatory whipping was sufficient as a punishment for the offence.

Held, sentenced to imprisonment for nine years and ten strokes of whipping:

(1) In determining the appropriate sentence, the interests of the public must be the main consideration. One of the most important elements of the interests of the public is that justice does not mean justice to the accused only but also to the society in general. Thus, in imposing the sentence, the court must consider the offence and the offender and also the interests of the society. The society requires protection from a few type of crimes. This objective can only be achieved by imposing deterrent sentence for such offence (see p 548C–D).

(2) However, it is publicly accepted that the accused ought to be given credit or discount for pleading guilty. The plea of guilty must be taken into consideration for the interest of the accused only when all the factors and relevant surrounding circumstances requires such considerations. To apply it for the benefit of the accused is dependant upon the circumstances surrounding each case (see p 548D–E).

(3) The seriousness of the offence committed can reduce the effect of the plea of guilty as a factor for a light sentence. Where public interest demands a heavy sentence in a particular case in a particular situation, the effect of such plea of guilty ought to also give way. Therefore, there is no automatic rule that a plea of guilty only would entitle the accused to a light sentence (see pp 548I–549C).

(4) The weight of the drugs found upon a person plays an important role in determining the sentence. In this case, the accused had been found in possession of 429.7 grammes of cannabis. This is

not a small amount by virtue of the minimum weight to attract the application of the section under which he was charged. It is also obvious that the accused had no defence (see p 549G).] A

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman secara am, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 2213–2674. B

Kes-kes yang dirujuk

Lee Say & Ors v PP [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)
Loh Hock Seng & Anor v PP [1980] 2 MLJ 13 (dirujuk) C
Oloofsen v PP [1964] MLJ 305 (dirujuk)
PP v Low Kok Wai [1988] 3 MLJ 123 (dirujuk)
PP v Oo Leng Swee & Ors [1985] 2 CLJ 155 (dirujuk)
PP v Oo Leng Swee & Ors [1981] 1 MLJ 247 (dirujuk)
PP v Teh Ah Cheng [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk) D
PP v Ravindran [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App R 164 (dirujuk)
R v Costen (1989) 11 Cr App R (S) 182 (dirujuk)
Wong Kai Chuen Philip v PP [1991] 1 MLJ 321 (dirujuk)
Zaidon Shariff v PP [1996] 4 CLJ 441 (dirujuk) E

Perundangan yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss 39B(1)(a), A(2)

K Kumarendran (*Kumar Sitham & Co*) bagi pihak tertuduh.
Anselm Charles Fernandis (*Timbalan Pendakwa Raya*) bagi pihak responden. F

Augustine Paul PK: Dalam kes ini, pertuduhan asal yang dihadapi oleh tertuduh ialah satu di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut'). Apabila kes dipanggil untuk perbicaraan pada 2 Mac 1998 pihak pendakwa mengemukakan pertuduhan pindaan yang mengandungi satu pertuduhan pilihan di bawah s 39A(2) Akta tersebut seperti berikut: G

Pertuduhan utama

Bahawa kamu pada 19 Julai 1997 jam lebih kurang 1.30 petang, di Stesen Bas Ekspres, Jalan Kilang, di dalam Daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, telah bagi pihak diri kamu sendiri mengedar dadah berbahaya, iaitu 429.7 gram cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. H

Pertuduhan pilihan I

Bahawa kamu pada 19 Julai 1997 jam lebih kurang 1.30 petang, di Stesen Bas Ekspres, Jalan Kilang, di dalam Daerah Melaka Tengah telah memiliki dadah

berbahaya, iaitu 429.7 gram cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama.

Pertuduhan-pertuduhan tersebut telah dibaca dan diterangkan kepada tertuduh. Hukuman maksima yang boleh dikenakan ke atas setiap pertuduhan telah diterangkan dengan jelas kepada tertuduh. Beliau mengaku salah kepada pertuduhan pilihan. Saya telah berpuas hati bahawa tertuduh faham akan akibat dan kesan pengakuannya. Timbalan pendakwa raya yang bijaksana kemudian mengemukakan pernyataan fakta kes. Ia berbunyi seperti berikut:

Fakta kes

Pada 19 Julai 1997 jam lebih kurang pukul 1.30 petang, satu pasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Mohd Malkan bin Moh (1/13169) telah pergi ke Stesen Bas Ekspres, Jalan Kilang, Melaka. Sesampai di sana, Inspektor Mohd Malkan telah nampak seorang lelaki Melayu sedang berjalan kaki sambil membawa beg sandang berwarna kuning di bahu sebelah kanannya bersama-sama dengan seorang perempuan Melayu. Lelaki tersebut kemudiannya telah dikenali sebagai Mohd Tajuddin Bin Ismail (KP No 680816-02-5625) iaitu tertuduh dalam kes ini. Ketika itu Inspektor Mohd Malkan telah mengenalkan dirinya sebagai pegawai polis kepada tertuduh dan memeriksa kandungan beg yang disandang oleh tertuduh. Dalam beg tersebut telah dijumpai barang-barang seperti berikut:

(a) 20 puluh helai kain batik.

(b) Satu kamera Canon.

(c) Satu beg pinggang hitam yang mana di dalamnya terkandung:

(i) satu buku akaun Bank Simpanan Nasional.

(ii) satu buku simpanan Bank Bumiputra Malaysia Bhd.

(iii) satu buku simpanan Public Bank.

(iv) sehelai slip nombor pin akaun GIRO.

(v) sebuah paspot terhad Malaysia.

(vi) sebuah paspot antarabangsa Malaysia.

(vii) akaun penyata gaji.

Kesemua dokumen-dokumen di atas adalah di bawah nama tertuduh.

(d) Beg hitam Mustika Ratu.

(e) Beg plastik merah.

(f) Serpihan surat khabar.

(g) Peket plastik bungkus mengandungi 'cannabis'.

Semasa pemeriksaan dibuat tertuduh telah mengaku bahawa kandungan peket plastik yang dijumpai dalam beg yang disandangkan adalah cannabis. Ini adalah setelah amaran diberi kepadanya di bawah s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tertuduh kemudiannya telah ditangkap dan dibawa ke pejabat narkotik IPK Melaka.

Barang kes cannabis tersebut telah dijumpai telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya untuk dianalisa dan telah disahkan adalah cannabis seperti definisi di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan berat bersih 429.7 gram.

Fakta-fakta kes tersebut telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh yang memahami maksudnya serta mengakunya tanpa syarat. Saya kemudian menerima pengakuan salah beliau. A

Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berkata bahawa tertuduh tiada rekod sabitan kesalahan dahulu. Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, peguambela tertuduh berkata tertuduh berumur 30 tahun dan belum berkahwin. Semasa beliau berumur 14 tahun bapanya meninggal dunia dan akibat itu telah kehilangan kasih sayang dan bimbingan seorang bapa. Beliau kemungkinan telah terlibat dengan persahabatan yang jahat. Peguambela yang bijaksana menambah bahawa hakikat bahawa tertuduh telah mengaku salah mesti diambilkira bagi manfaatnya. Peguambela berkata bahawa tertuduh telah bekerjasama dengan polis dan mengaku kesalahannya semasa berpeluang lebih awal. Beliau berkata hukuman sebatan yang wajib sahaja dengan sendirinya memadai sebagai hukuman untuk kesalahan ini. Peguambela yang bijaksana juga mengemukakan satu senarai kes-kes yang mengandungi butir-butir hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang serupa. Berikut adalah senarai itu: B C D

(1) Kangar High Court Criminal Trial 45-139-92
PP v Zamri bin Desa & Ors
Weight: 973.1 grams of ganja
Sentences: 7 years and 10 strokes.
Coram: Saari J E

(2) Kangar High Court Criminal Trial 47-2-92
PP v Mohd Shidi bin Ishak & Jamil bin Sab
Weight: 3,650 grams of ganja
Sentences: (1) Mohd Shidi: 9 years 10 strokes
(2) Jamal: 12 years 10 strokes
Coram: Saari J F

(3) Kangar High Court Criminal Trial 47-1-92
PP v Halim bin Khamis & Zainab Mat Din (f) G
Weight: 904.7 grams of ganja
Sentences: (1) Halim: 9 years 10 strokes
(2) Zainab: 8 years
Coram: Saari J H

(4) Kangar High Court Criminal Trial 47-28-91
PP v Abdul Rahim bin Hanafi & Ahmad bin Hanafi
Weight: 3368.8 grams of ganja
Sentences: (1) Abdul Rahim: 12 years 10 strokes
(2) Ahmad: 8 years
Coram: Saari J I

(5) Alor Setar High Court Criminal Trial 17-1-90
PP v Mutallib bin Roslan
Weight: 346.7 grams of ganja
Sentence: 8 years 10 strokes
Coram: KC Vohrah J

(6) Alor Setar High Court Criminal Trial 47-15-91
PP v Suaid bin Saad & Mat Zali bin Shaari
Weight: 5360.8 grams of ganja
Sentences: 10 years 10 strokes
Coram: Mohd Noor Abdullah JC

(7) Penang High Court Criminal Trial 47-51-89
PP v Francis a/l Gnaarokiam
Weight: 1469.7 grams of ganja
Sentence: 8.5 years 10 strokes
Coram: Yaacob Ismail JC

(8) Taiping High Court Criminal Trial 58-5-92
PP v Wong Ah Soo & Ors
Weight: 261 grams of ganja
Sentences: 6 years 10 strokes
Coram: Malik Ishak J

(9) Ipoh Court Criminal Trial 48(58)-11-90
PP v Satsih a/l D Umapathy & Ors
Weight: 1241 grams of ganja
Sentences: 8 years
Coram: Mohtar Abdullah J

(10) Kangar High Court Criminal Trial 45-2-93
PP v Lim Choon Kok
Weight: 265.4 grams of ganja
Sentences: 6 years 10 strokes
Coram: Saari J

Timbalan pendakwa raya yang bijaksana memohon untuk hukuman berat dan mengatakan bahawa dalam bulan Januari 1998 sahaja berlaku 39 kes dadah baru yang telah didaftarkan di mahkamah-mahkamah Melaka.

Dalam mengenakan hukuman saya telah mengambil kira beberapa faktor untuk pertimbangan. Prinsip-prinsip berkaitan dengan mengenakan hukuman telah pun ditentukan. Dalam kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164, Mahkamah Rayuan Jenayah menyatakan semula prinsip-prinsip yang boleh membimbing mahkamah dalam mengirakan hukuman yang setimpal dalam kata-kata berikut:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The

> criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime and seeming to offer easy money on the supposition that, if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

Maka dalam menentukan hukuman setimpal kepentingan awam mestilah menjadi satu faktor utama (lihat *PP v Teh Ah Cheng* [1976] 2 MLJ 186). Satu elemen kepentingan awam terbesar adalah keadilan tidak bermaksud keadilan bukan sahaja kepada tertuduh malah juga kepada masyarakat umum. Justeru itu, dalam mengenakan hukuman mahkamah hendaklah menimbangkan kesalahan dan pesalah itu dan juga kepentingan masyarakat. Masyarakat memerlukan perlindungan daripada beberapa jenis jenayah. Matlamat ini boleh tercapai dengan mengenakan hukuman yang deteren untuk kesalahan sedemikian. Walau bagaimanapun, adalah diterima secara umum bahawa tertuduh hendaklah diberikan kredit ataupun diskaun kerana mengaku salah (lihat kes *PP v Ravindran* [1993] 1 MLJ 45). Pernah saya berpeluang memerhatikan dalam kes *Zaidon Shariff v PP* [1996] 4 CLJ 441 di ms 446:

> Be that as it may, this rule is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in appropriate cases (see *Lee Say & Ors v PP* [1985] 2 CLJ 155.

Pada hemat saya pengakuan salah mestilah diambilkira untuk manfaatkan tertuduh hanya bila semua faktor dan keadaan sekitar berkaitan dengan perbuatan kesalahan itu mewajarkan pertimbangan sedemikian. Memakainya untuk manfaatkan tertuduh bergantung kepada keadaan sekitar setiap kes (lihat kes *Wong Kai Chuen Philip v PP* [1991] 1 MLJ 321). Dalam kes *PP v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123, Mohamed Dzaiddin J (sebagaimana beliau berjawat ketika itu) berkata:

> In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilty. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused had pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is a mitigating factor must depend on the facts of each case, and it cannot be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see *Archbold* (42nd Ed) para 4-480 citing *R v Davis* (1980) 2 Cr App R (S) 168).

Beratnya sesuatu kesalahan yang telah dilakukan boleh mengurangkan kesan pengakuan salah sebagai faktor untuk hukuman ringan (lihat *Lee Say & Ors v PP* [1985] 2 CLJ 155; *Loh Hock Seng & Anor v PP* [1980]

2 MLJ 13; *PP v Oo Leng Swee & Ors* [1985] 2 CLJ 155; *PP v Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 MLJ 247). Di mana kepentingan awam menghendaki hukuman berat dalam sesuatu kes dalam sesuatu keadaan maka kesan pengakuan salah sedemikian juga hendaklah memberi laluan. Dalam perkara ini saya merujuk kepada *R v Costen* (1989)11 Cr App R (S) 182 di mana Lord Lane berkata di ms 184:

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

Maka tiada peraturan automatik bahawa pengakuan salah sahaja boleh melayakkan tertuduh kepada hukuman ringan.

Secara analisa terakhir hukuman yang setimpal bergantung kepada fakta dan keadaan sekitar setiap kes. Prinsip ini dipakai dengan sama kuat dalam menjatuhkan hukuman dalam kes-kes dadah. Khususnya berat dadah yang dijumpai pada seseorang memainkan peranan penting dalam mengirakan hukuman. Dalam kes *Oloofsen v PP* [1964] MLJ 305, Wee Chong Jin CJ menegaskan pertimbangan yang perlu diberikan kepada kuantiti dadah yang terlibat dalam kes-kes dalam menentukan hukuman. Pandangan ini mendapat sokongan dalam Akta tersebut sendiri yang menetapkan penalti berbeza untuk kesalahan dadah berlainan menurut berat dadah terlibat. Di bawah s 39A(1), Akta tersebut hukuman yang telah ditetapkan untuk satu kesalahan di mana berat terlibat adalah 20 gram atau lebih tetapi kurang dari 50 gram cannabis hukuman penjara hendaklah tidak kurang dari dua tahun tetapi tidak melebihi lima tahun dengan sebatan tidak kurang dari tiga kali rotan dan tidak melebihi sembilan kali rotan. Di bawah s 39A(2) di mana berat cannabis adalah 50 gram atau lebih hukuman hendaklah hukuman sepanjang hayat atau tidak kurang dari lima tahun dengan sebatan tidak kurang dari sepuluh kali.

Dalam kes ini tertuduh telah didapati memiliki 429.7 gram cannabis. Ini bukan amaun yang sedikit memandangkan berat minima untuk menarik penggunaan seksyen yang beliau dipertuduhkan. Beliau telah ditangkap membawa beg yang mengandungi dadah tersebut dan dengan serta merta telah mengaku kandungan peket plastik adalah cannabis. Maka dengan nyata beliau tiada pembelaan. Masalah dadah adalah sangat serius dalam masyarakat kita dan kesan-kesan buruknya tidak perlu huraian. Jika tidak dibendung dadah boleh menghancurkan masyarakat kita. Senarai kes yang dikemukakan oleh peguambela dan menunjukkan hukuman-hukuman yang dikenakan oleh mahkamah-mahkamah antara tahun 1989 dan 1993 membayangkan bahawa hukuman-hukuman yang dikenakan pada masa itu gagal meninggalkan kesan kerana kes-kes dadah semakin meningkat. Ini ketara juga sedikit daripada statistik yang dinyatakan oleh timbalan pendakwa raya yang bijaksana. Dalam menghukum tertuduh saya tidak mengabaikan fakta

bahawa tertuduh telah mengaku salah. Saya telah menimbangkan fakta bahawa beliau telah bekerjasama dengan pihak polis dan beliau adalah pesalah kali pertama. Maka dengan ini saya telah mensabitkan beliau dan mengenakan hukuman sembilan tahun penjara daripada tarikh ditangkap dan juga dikenakan hukum sebat sepuluh kali.

Hukuman sembilan bulan penjara dan sebat sepuluh kali dikenakan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar